

07 JAN 1997

## MODULAR CORP KELUARKAN KAD PINTAR PELBAGAIGUNA YANG PERTAMA DI DUNIA

Oleh: S. Durga Varma

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Sebuah syarikat teknologi maklumat tempatan, Modular Corporation (M) Sdn Bhd, dan rakan kongsinya, Bull Information Systems dari Perancis, telah mengeluarkan apa yang mereka dakwa sebagai "kad pintar pelbagaiguna yang pertama di dunia."

Kad itu telahpun mendapat sambutan di kalangan beberapa buah universiti tempatan, sebuah pengendali kantin dan sebuah bank.

Bull merupakan pengasas teknologi kad pintar dan 60 peratus daripada kad pintar dalam operasi di seluruh dunia menggunakan sistem pengendalian Bull.

Kad pintar ialah sekeping kad plastik, sama seperti sekeping kad kredit, tetapi ditanam dengan satu cip mikro dan bukan satu Jaluran magnetik di sebelah belakang yang mengandungi maklumat dalam bentuk elektronik yang boleh dengan mudah, selamat dan tepat dicapai oleh semua bentuk kelengkapan memproses data elektronik.

Pengasas bersama dan naib presiden Modular, Abdul Wahid Abu memberitahu Bernama bahawa kira-kira 200,000 kad pintar telah dijual kepada para pelanggan sejak lima tahun lalu dan mereka termasuklah Bank Islam Malaysia Bhd, yang menggunakan kad pintar untuk mengendalikan mesin teler automatik, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Pertanian Malaysia untuk kegunaan para pelajar dan kakitangan mereka, dan kepada Sajibumi Sdn Bhd, pengendali kantin di Universiti Islam Antarabangsa.

"Dengan sokongan teknikal daripada Modular, Bank Islam Malaysia telah menjadi bank pertama di dunia yang 'membawa' buku akaun simpanan pelanggan dalam kad pintar mereka," tambahnya.

Syarikat itu merancang untuk menjual paling kurang 100,000 kad pintar tahun ini tetapi percaya bahawa potensi sebenar kad itu akan tercongkil bila Koridor Raya Multimedia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi kenyataan.

Abdul Wahid berkata Modular telah dirisik oleh Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya dan juga Edaran Otomobil Malaysia (EON) Bhd dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk meninjau kemungkinan menggunakan kad pintar untuk pelbagai penggunaan dengan harapan untuk menjadi lebih keberkesanan kos dan lebih cekap.

Beliau berkata pengguna semasa kad pintar Modular, yang dikenali sebagai ID-MAS, telah meraih faedah segera melalui pengurangan penggunaan kertas untuk surat menyurat dan tunai.

Abdul Wahid berkata 10 tahun lalu sepasukan pakar komputer menubuhkan Modular dan membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan dengan matlamat untuk menjadi pemimpin serantau dalam teknologi kad pintar.

Beliau menambah kata bahawa projek kad pelbagaiguna Malaysia adalah tersendiri kerana jumlah penggunaan yang akan dimasukkan dalam sekeping kad dan ia boleh menjadi satu aliran baru dalam dunia kad pintar.

"Bank Negara Malaysia juga menyatakan minatnya untuk menyemak bagaimana kad pintar boleh digunakan dalam menjalankan tugas-tugas perbankan lain seperti tugas rumah-rumah penjelasan," katanya, dan menambah kata bahawa syarikat optimis yang ia akan dapat mengeksport kepakarannya ke rantau Asean.

Syarikat itu menawarkan kepakaran dalam teknologi kad pintar, penyelesaian kejuruteraan semula, perundingan, perangkaan, pembangunan penggunaan, perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan dan pemajuan

perkakasan. -- BERNAMA  
DVS SIA